

# Ajaran Qadiani

## Sejauh Mana Kesesatannya?

Siri  
2

**D**alam siri *Solusi* yang lalu, telah dijelaskan beberapa fahaman aqidah dalam ajaran Qadiani. Jelas, terang lagi bersuluh bahawa aqidah ini adalah aqidah yang salah dan batil, bercanggah dengan al-Quran dan sunah Nabi s.a.w. yang sah.

Di sini ada beberapa kefahaman dalam ajaran ini yang wajar kita telusur. Secara ringkas, pengasasnya mengaku sebagai mujaddid (pembaharu agama) yang membawa gerakan islah. Dengan kewujudan penyokong yang taksud dan fanatik, dakwaannya dinaik taraf menjadi Imam Mahdi dan seterusnya Nabi Isa al-Masih.

Umat Muslim wajarlah menjauhi sikap fanatik kepada mana-mana fahaman, ajaran, guru agama, dan sebagainya. Sewajarnya guru agama dihormati namun ini tidak bermakna kita perlu mengikuti mereka secara membuta tuli.

Selain itu ada dua lagi dakwaan dalam fahaman Qadiani yang perlu diberi perhatian. Dakwaan itu ialah kitab baru dan haji di tanah suci Qadian.

### Kitab Suci yang Baru

Adalah menjadi kebiasaan dan trend bagi sesuatu fahaman agama mempunyai kitab suci. Sama ada ajaran tersebut bersifat samawi atau tidak samawi, ia mempunyai kitab panduan yang dianggap suci. Penganut Yahudi mempunyai kitab Taurat. Kini Taurat terkandung dalam Perjanjian Lama dalam Bible. Manakala penganut agama Kristian mempunyai kitab Injil yang terkandung dalam Perjanjian Baru dalam Bible. Fahaman Buddha, Taoisme, Hindu dan sebagainya juga mempunyai kitab suci.

Tidak terkecuali fahaman Qadiani, ajaran ini juga mempunyai kitab suci yang diberi nama *al-Tazkirah*.

Antara hujah akal yang digunakan ialah Allah s.w.t. bersifat dengan sifat kalam. Sifat kalam ialah sifat berkata-kata. Ini bermakna Allah tidak bisu. Wahyu Allah ialah manifestasi sifat kalam. Jika tiada lagi wahyu dan tidak ada kitab baru, sudah tentu Allah tidak berkata-kata. Ini membawa pengertian kepada Allah bersifat dengan sifat bisu sejak 1400 tahun yang lalu.

Selain itu, malaikat Jibrail juga mempunyai tugas. Tugasnya ialah menyampaikan wahyu. Jika Jibrail tidak lagi menyampaikan wahyu, maka adakah Jibrail sudah pencen atau berhenti kerja?

Em... nampak menarik hujah yang digunakan. Inilah racun yang berbisa dalam lipatan madu. Walaupun nampak hujahnya kuat dan mantap, namun ia sebenarnya amat rapuh.

Dalam khutbah Mirza (*al-Khutbah al-Ilhamiyah*), beliau berkata: "Ini ialah kitab yang telah diilhamkan oleh Tuhanku kepadaku pada satu hari daripada hari-hari perayaan, malah ia adalah hakikat yang diwahyukan Tuhan kepadaku."

Ajaran Qadiani juga telah merubah beberapa ayat al-Quran dengan tujuan agar ia selari dengan dakwaannya. Antaranya firman Allah yang bermaksud: "Dan Kami tidak mengutuskan sebelum engkau daripada rasul

dan nabi melainkan..." (*Surah al-Hijr* 15: 52)

Ayat ini diubah menjadi: "Dan Kami tidak mengutuskan daripada rasul dan nabi melainkan..."

Dengan perubahan ini, maka nabi masih wujud selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. Maka dakwaan Mirza sebagai nabi tidaklah bertentangan dengan al-Quran.

Wahyu Allah dalam bentuk al-Quran adalah kitab mukjizat. Al-Quran membawa cabaran agar diusahakan satu surah yang setaraf dengan al-Quran. Namun hingga ke hari ini masih belum wujud suatu ayat pun yang mampu menyaingi al-Quran. Aspek bahasa, **balaghah**, sastera, maklumat dan sebagainya satu bukti jitu bahawa al-Quran wahyu Allah.

Adakah perkara ini wujud dalam kitab suci Qadiani?

### Haji di Tanah Suci Qadian

Fadilat dan kelebihan tanah suci Qadian ini tergambar dalam satu ayat berbunyi



**Mohd. Nidzam Abd. Kadir**

Lulusan Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kini berkhidmat sebagai pensyarah juga di UIAM. Berpengalaman menimba ilmu di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan, kemudian menyambung pelajaran di Universiti Al-Azhar dan kursus peringkat Sarjana di American Open University, Kaheerah. Aktif dalam penulisan. Lawati blog beliau, <http://nidzamkadir.blogspot.com>



mafhumiya: "Sesungguhnya Kami menurunkan-nya dengan Qadian."

Maka jelas dalam nas kitab suci ini bahawa Qadian ialah tanah suci. Maka haji boleh dilaksanakan di Qadian sahaja.

Hakikatnya ayat ini merupakan satu perubahan baru malah direka dengan ayat yang baru. Dalam hukum Islam, tanah suci Makkah dan Madinah sabit dengan nas al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. Namun untuk pelaksanaan ibadat haji, hanya Makkah sahaja yang diiktiraf. Firman Allah mafhumiya: "Sesungguhnya awal rumah yang diletakkan bagi manusia adalah di Bakkah yang diberkati dan menjadi petunjuk bagi semua manusia." (Surah Ali 'Imran 3: 96)

Bakkah dalam ayat ini merujuk kepada Makkah. Kemudian disebut tentang seruan melaksanakan ibadat haji.

Bumi Madinah walaupun tergolong dalam tanah suci, namun ia bukanlah tempat untuk melaksanakan ibadat haji. Madinah sekadar diziarahi kubur Nabi s.a.w. dan memerhatikan kesan-kesan sejarah sebagai iktibar untuk diri.

Jika Madinah sebagai tempat tinggal Nabi s.a.w. selama sepuluh tahun dan tempat dimakamkan Nabi s.a.w. pun tidak mendapat tempat untuk pelaksanaan ibadat haji, apakah wajar kawasan Qadian mendapat pengiktirafan yang begitu tinggi. Fikirkanlah. Sepatutnya kawasan Madinah lebih patut menjadi kawasan ibadat haji sebelum kawasan Qadian. Tiba-tiba ada kawasan yang lebih tinggi kedudukannya berbanding Madinah. Sepatutnya juga kawasan Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis lebih perlu mendapat kedudukan berbanding Qadian.

Namun wujud juga percampuran antara dakwah yang benar dan dakyah yang batil. Dalam kes ibadat haji, disebut tentang haji di Makkah dan haji di Qadian. Disebutkan dalam satu artikel oleh cawangan fahaman Qadiani: "Menunaikan ibadat haji di Makkah tanpa melakukan haji di Qadian ialah haji yang kering dan kosong kerana menunaikan haji di Makkah hari ini tidak memenuhi risalah dan tidak menunaikan fardunya."

Inilah suatu teknik dalam menyebarkan ajaran sesat bertopengkan Islam. Haji di Makkah masih diakui, cuma kurang sempurna jika tidak ditunaikan haji di Qadian. Maknanya perlu juga pergi haji di Qadian.

**Kesimpulan**

Fahaman Qadiani mendakwa masih wujud nabi baru selepas Nabi Muhammad s.a.w. Ada wahyu terus daripada tuhan. Ada kitab samawi yang baru. Kemudian wujud hukum syariah yang baru mengikut wahyu yang diterima oleh Mirza Ghulam Ahmad. Antaranya tiadanya jihad. Seterusnya haji memadai di Qadian.

Perkara-perkara ini bertentangan dengan dasar aqidah Islam yang sebenar. Nas-nas

**Aspek Penyelewengan Ajaran Qadiani**

Berdasarkan dakwaan fahaman Qadiani, fahaman ini menyalahi dasar Islam dalam beberapa aspek. Antaranya:

- **Aspek kenabian dan kerasulan.** Qadiani menyatakan bahawa Mirza Ghulam adalah Nabi Isa al-Masih yang dijanjikan dalam hadis-hadis.
- **Dakwaan bahawa Maryam telah berzina** dengan seorang lelaki hingga melahirkan Isa. Fahaman ini jelas bercanggah dengan al-Quran.
- **Wujud lagi nabi baru** seterusnya menolak dasar Islam bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah penutup segala nabi.
- **Kewujudan nabi baru membawa kepada penerimaan wahyu dan kitab baru.** Akhirnya wujud hukum-hakam syariah yang baru yang diterima oleh Mirza.

al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. yang difahami oleh para ulama muktabar terdiri daripada ahli tafsir, ahli hadis, ahli fiqh dan sebagainya telah menolak kefahaman sebegini.

Selain itu, fahaman sebegini akan mencambahkan fahaman yang baru atas nama wahyu yang baru. Akan wujud nabi yang baru. Kita dikurniakan dengan rasul Melayu. Ini suatu tindakan atas dasar fahaman bahawa masih ada nabi dan rasul selepas Nabi Muhammad s.a.w.

Masih banyak fahaman bertopengkan Islam wujud di luar sana yang cuba menyebarkan fahaman sebegini dalam masyarakat. Tujuannya tidak lain adalah bagi menyesatkan umat Islam. Waspadalah.

**Solusi**

Ambillah ilmu daripada guru agama yang diakui ilmunya. Berhati-hati juga dalam memilih buku agama, kluatir terbeli buku yang zahirnya nampak Islam tetapi hakikatnya bertujuan menyelewengkan Islam. Pelajarilah ilmu dengan guru di tempat yang terbuka. Insyallah dengan kemantapan ilmu yang sahih, ajaran sesat ini akan terus berkubur. S

**Saham-saham ke Neraka**

Berikut disenaraikan beberapa perkara yang boleh menghancurkan sesiapa yang mempunyai satu atau lebih ciri-ciri berikut ke naraka jahanam:

- **Syirik kepada Allah** iaitu menyekutukan Allah dengan sesuatu sama ada dalam *rububiyyah*, *uluhiyyah* mahupun nama-nama dan sifat-sifat-Nya. Allah berfirman maksudnya, "Bahawasanya sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka." (Surah al-Ma'idah 5: 72)
- **Kufur kepada Allah**, para malaikat, kitab, rasul, hari akhirat, qada dan qadar Allah.
- **Mengingkari** salah satu daripada rukun Islam yang lima.
- **Mengolok-olokkan Allah, agama-Nya atau rasul-Nya**, benarlah firman Allah yang bermaksud, "Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: 'Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main'. Katakanlah: 'Patutkah nama Allah dan ayat-ayat-Nya serta Rasul-Nya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?'" (Surah al-Tawbah 9: 65-66)
- **Mencaci Allah**, agama Islam, atau rasul-Nya iaitu mencela, mengaibkan atau merendahkan.
- **Berhukum dengan selain daripada hukum Allah** dengan keyakinan bahawa hukum yang dibuat itu lebih besar atau sama dengan hukum Allah. Allah berfirman yang bermaksud, "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang kafir." (Surah al-Ma'idah 5: 44)
- **Munafik** iaitu apabila seseorang menyembunyikan kekafirannya dalam hati tetapi secara lahiriah seorang Muslim. Ini jelas dalam firman Allah s.w.t, maksudnya, "Sesungguhnya orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terkebawah sekali dari (lapisan-lapisan dalam) neraka." (Surah al-Nisa' 4: 145)

Petikan: Syeikh Muhammad bin Shalih al-Uthaimin, *Majelis Bulan Ramadhan*, terbitan Pustaka Imam asy-Syafi'i, Jakarta, hlm. 355-362.